



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pembangunan PKS dan
Keusahawanan Malaysia
(MASMED)

M A S M E D U P D A T E S 2022

MALAYSIAN ACADEMY OF SME & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT

25 APRIL 2022



“
Anda boleh
bermula sekarang
”

DUNIA hari ini memerlukan graduan universiti untuk menjadi lebih responsif dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran, teknologi, masyarakat, sosial, politik dan ekonomi bagi mempersiapkan diri berdepan dengan VUCA (volatile, Uncertain, Complex dan Ambiguous).

Perkembangan ilmu teknologi, sosial dan juga ekonomi akan menentukan kesejahteraan masyarakat khususnya dalam memenuhi keperluan hidup.

Namun begitu, jumlah pengangguran yang ramai dan perubahan pola pekerjaan di Malaysia menjadi penghalang besar dalam menentukan perkembangan ekonomi negara pada masa akan datang.

Walaupun seseorang graduan bekerja di syarikat, namun *hati, minda dan jiwa* keusahawanan tetap diperlukan agar mampu menghasilkan pelbagai inovasi untuk keunggulan syarikat.

Oleh kerana itu, graduan sebagai generasi penerus masa hadapan juga dituntut mempunyai minda, hati dan jiwa keusahawanan walau pun tidak menjalankan perniagaan.

Untuk seseorang usahawan alumni menghasilkan Inovasi yang berasaskan pasaran, nilai kreativiti perlu dibangunkan melalui keusahawanan.

Artikel oleh YBhg. Profesor Dr. Abdol Samad Nawi, Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) UiTM yang dipaparkan di portal DagangNews.com dengan tajuk “Mengamati Prinsip Burung di Tangan untuk bakal usahawan”



KOMPLEKS USAHAWAN